

10/10/1999

Rakyat perlu cintai keamanan

Syuhada Choo Abdullah

PETALING JAYA: Rakyat harus mempertahankan nilai hidup mencintai keamanan yang menjadi amalan masyarakat negara ini bagi meneruskan perjuangan mencapai kemajuan dalam semua bidang menjelang alaf baru.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata kehidupan harmoni di negara ini pasti akan tergugat jika rakyat hilang pertimbangan dan tidak lagi mengambil berat terhadap kepentingan negara dan masyarakat.

Menurutnya, segala usaha kerajaan menerusi Wawasan 2020 untuk membawa kemajuan serta kejayaan kepada rakyat akan berkecai jika mereka hidup porak-peranda dan lupa meneruskan perjuangan berkenaan.

Malah, beliau berkata, rakyat akan dapat terus mengecapi kedudukan ekonomi yang lebih kukuh dan mampan sekiranya wujud kestabilan politik dalam negara.

"Rakyat harus bersyukur kerana dapat menikmati dan menjalani kehidupan harmonis. Selama lebih 40 tahun merdeka, negara sudah mencapai kejayaan membanggakan hampir dalam semua bidang berbanding sebelum merdeka.

"Secara konsisten, negara berjaya mencatat pertumbuhan yang tinggi serta memberangsangkan sebelum menghadapi kegawatan ekonomi pada 1997. Kita bersyukur kerana kini ekonomi negara pulih dan dijangka mencatatkan pertumbuhan pada tahun ini.

"Usaha kerajaan di bawah kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memulihkan ekonomi negara tanpa meminta bantuan kewangan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan melaksanakan langkah kawalan modal berpilih, ternyata berjaya.

"Kita yakin peningkatan dalam pertumbuhan ekonomi negara akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan," katanya dalam Majlis Konvokesyen Workers Institute of Technology (WIT) ke-18 di sini, semalam.

Teks ucapan beliau disampaikan Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr Fong Chan Onn. Turut hadir Pengerusi Lembaga Pengarah WIT Education Holdings Sdn Bhd, Senator Datuk Zainal Rampak.

Menurut Najib, tahap pendidikan rakyat negara ini perlu dipertingkatkan supaya Malaysia dapat terus bersaing di peringkat antarabangsa serta berjuang mencapai kemajuan dalam semua bidang.

Menyedari kepentingan pendidikan terhadap pembangunan dan kemajuan negara dalam pelbagai aspek, beliau berkata, kerajaan berusaha menyediakan sistem pendidikan bertaraf dunia dari segi mutu.

Katanya, sistem pendidikan yang berteraskan Falsafah Pendidikan Negara bertujuan untuk mengembangkan potensi individu sepenuhnya serta mencapai aspirasi negara sekali gus melahirkan masyarakat seimbang, harmonis, baik dari segala aspek dan memiliki jati diri.

Ketika ini, katanya, kerajaan menyediakan pelbagai prasarana untuk rakyat, terutama dalam bidang pendidikan tinggi dengan kira-kira 312,000 remaja berpeluang menikmati pendidikan tinggi di institusi pengajian tinggi awam dan juga swasta.

"Usaha kerajaan meningkatkan peluang pendidikan untuk remaja bertujuan memastikan masyarakat Malaysia mampu menangani perubahan alaf baru.

"Kejayaan negara bukan lagi terletak pada kekayaan semula jadi, tetapi sistem pendidikan kukuh dan mampu menghasilkan sumber manusia yang dapat menyumbang dengan berkesan kepada kemajuan, kemakmuran serta kestabilan.

"Bagi tujuan berkenaan, kerajaan akan memastikan sistem pendidikan negara mempunyai kesediaan dan ketahanan untuk menerima serta melakukan perubahan sejajar dengan perubahan global.

"Kerajaan juga berhasrat menjadikan pendidikan sebagai suatu perkhidmatan yang boleh dieksport serta membawa masuk wang asing. Justeru, kementerian akan berusaha menarik lebih banyak pelajar dari negara membangun dan maju untuk melanjutkan pendidikan tinggi di Malaysia," katanya.

(END)